

Gejala Buli (Part 3)

Azizi bin Hj Yahaya

Menurut Azizi Yahaya (2007), Komponen Ketiga Model Identifikasi Multidimensi Perlakuan Buli mengambil kira dinamik sosial tiga kumpulan utama yang terlibat secara langsung dalam perlakuan buli ialah pembuli, mangsa dan pemerhati.

Pembuli ialah seseorang yang memilih mangsanya berdasarkan aspek kelemahan mangsa dan ketidakmampuan mangsa untuk melawan. Pembuli selalunya menggunakan kuasa keatas mangsa yang tidak mempunyai keupayaan. Manakala mangsa pula adalah seseorang yang tidak mampu dan tidak berupaya dari aspek fizikal, psikologi, kesorangan, rasa tidak selamat dan kurang berkeyakinan dengan dirinya. Mangsa buli ini biasanya dikaitkan dengan individu yang tidak berdaya dan tidak berkuasa.

Akhir sekali, pemerhati adalah seseorang individu yang menjadi penonton dalam kejadian buli. Mereka samada menyokong di pihak pembuli ataupun rakan penyokong kepada yang dibuli. Pemerhati boleh bertindak sebagai salah satu wadah penyelesaian dan aktiviti pencegahan buli.

Para pengkaji telah mengenal pasti tiga elemen buli terdapat dalam kalangan pembuli iaitu fizikal, lisan dan antisosial (Olweus, 1993). Tingkah laku buli fizikal dan lisan merujuk kepada tingkah laku buli secara langsung. Tingkah laku buli anti sosial pula merujuk kepada tingkah laku buli secara tidak langsung. Tingkah laku buli fizikal adalah seperti memukul, menarik rambut dan menendang. Tingkah laku buli verbal ialah seperti mengejek, menghina dan mengusik. Tingkah laku buli yang berkaitan dengan tingkah laku anti sosial ialah memulau, menggosip, memfitnah dan merosakkan harta benda. Tingkah laku buli dalam bentuk verbal juga merupakan tingkah laku buli berbentuk psikologi. Manakala tingkah laku buli dalam bentuk antisosial boleh berlaku dalam bentuk fizikal seperti merosakkan harta benda atau dalam bentuk psikologi seperti pemulauan dan fitnah.